

Ekonomi Malaysia kini berada di landasan baik, diiktiraf pihak luar

Bukan negara gagal

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH
dan SHOFI MAT ISA

utusan@utusan.com.my

■ PEKAN 9 JULAI

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia bukan sebuah negara gagal dan perlu diselamatkan seperti didakwa pembangkang kerana ekonomi negara kini berada di landasan yang baik malah mendapat pengiktirafan negara luar.

Menurut Perdana Menteri, sedangkan individu berkata demikian yang pernah menjadi pemimpin negara sebelum ini tidak pernah mendapat pengiktirafan tersebut termasuk dari Arab Saudi.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, tidak perlu untuk pihak berkenaan menyelamatkan Malaysia kerana kerajaan telah berusaha sebaik mungkin memastikan pembangunan negara berada pada landasan yang tepat.

“Sebagai sebuah kerajaan, kita perlu terus berkhidmat dengan



sebaik mungkin. Ekonomi negara kita pun Alhamdulillah meningkat 5.6 peratus pada suku pertama tahun ini.

“Eksport Malaysia melonjak kepada RM80 bilion sehingga Mac lalu yang merupakan sejarah baharu negara selain harga minyak negara yang merupakan ke-10 paling murah di dunia,” katanya ketika berucap pada Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri di Taman Tasik Sultan Abu Bakar, di sini hari ini.

Sehubungan itu, kata Najib,

rakyat seharusnya melahirkan kesyukuran yang mana sokongan dan dorongan berterusan daripada mereka membolehkan kerajaan menempa masa depan yang lebih cemerlang untuk negara.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan membelanjakan RM3 bilion dalam melaksanakan lima pakej bantuan

Aidilfitri sepanjang Ramadan lalu yang dimanfaatkan oleh 9.6 juta rakyat.

“Antara bantuan yang diberikan adalah beras kepada penjawat awam dan pesara, pemberian dividen kepada pekebun kecil, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) peringkat kedua kepada tujuh juta penerima dan pemba-

yanan insentif raya.

“Inilah usaha kita yang bukan hanya mementingkan pembangunan fizikal tetapi kesejahteraan dan kebajikan rakyat pun kita jaga. Kalau dahulu orang kata bantuan kerajaan hanya di luar rumah, sekarang ini sampai ke dapur pun kita berikan bantuan,” katanya.

UTUSAN 9/7

TENGGU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH berswafoto bersama hadirin sambil diperhatikan Najib Tun Razak pada Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri di Taman Tasik Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN